

# Imbasan kembali ke zaman kanak-kanak bersama UMSCO 2019

UB 25 April 2019 B2

KOTA KINABALU: Konser Orkestra Cina Universiti Malaysia Sabah (UMS) Ke-3 telah diadakan dengan tema 'Tong Yue'.

Tong bermaksud zaman kanak-kanak, manakala Yue membawa makna muzik dan kegembiraan.

Konsert itu bertemakan imbasan kembali kepada zaman kanak-kanak yang kian dilupakan. Ia dijalankan dengan jayanya atas usaha dan kolaborasi antara ahli Kelab Bahasa Mandarin bersama dengan ahli Orkestra Cina Sekolah Menengah Tsung Tsin.

Konser diadakan di Theatrette Ahmad Nifsu, Fakulti Kemanusian dan Seni Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 13 April 2019.

Ia terbahagi kepada dua sesi iaitu pada jam 2 petang dan 7 malam. Kedua-dua sesi konsert menarik sebanyak 160 peserta yang merangkumi pelajar dan kakitangan UMS serta orang awam.

Menurut Pengarah Konser Orkestra Cina Universiti Malaysia Sabah, Jong Hao Cheng, objektif bagi



## SESI perasmian Konsert Orkestra Cina.

konsert tahun ini adalah untuk mendedah dan memperkenalkan budaya muzik serta seni Cina kepada semua mahasiswa/i UMS serta mencungkil bakat yang terpendam dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi.

Timbalan Dekan Pascasiswazah dan Pengantarabangsaan Dr Chiew Tung Moi yang mewakili Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Dr Ismail Ali untuk

menyampaikan ucapan perasmian program itu berharap konsert sedemikian boleh diadakan dengan lebih giat, bukan sahaja dalam dalam kalangan pelajar UMS sahaja, tetapi juga di luar universiti.

Lagu untuk konsert itu terbahagi kepada empat pakej lagu. Setiap pakej lagu adalah berbeza daripada unsur muzik. Antaranya termasuk pakej animasi Jepun, pakej 'desa arnab' yang berunsurkaningatan pada

pesta tanglung, pakej cerita dongeng binatang dan pakej semula jadi.

Penonton diberikan peluang untuk melibatkan diri dalam cabutan pakej lagu. Cabutan pakej lagu adalah untuk memutuskan lagu yang akan dipersembahkan oleh Orkestra Cina sepanjang konsert itu.

Cabutan itu dan pakej lagu menambahkan keunikian Orkestra Cina disamping memeriahkan konsert berkenaan.